



MEMECAHKAN TEMBOK BUKU DI PERPUSTAKAAN

Seiring dengan Revolusi Industri 4.0 yang sesak dengan variasi teknologi baharu ciptaan manusia, amalan membaca dalam kalangan masyarakat tampak semakin hilang. Dahulu, para pelajar dan mahasiswa cenderung menghabiskan masa di gedung buku dan perpustakaan. Kini, fenomena digital menyebabkan golongan ini tidak lagi berminat untuk mengunjungi tempat yang mengumpulkan bahan bacaan ini.

Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan digital banyak membantu proses pembelajaran dan pengajaran agar menjadi lebih berkesan. Namun begitu, kita juga tidak rela sekiranya gedung ilmu, terutamanya perpustakaan menjadi sepi tanpa pengunjung yang dahagakan suntikan intelektual.

Bagi membentuk peradaban, kita memerlukan masyarakat yang berilmu. Kemenjadiannya berkait rapat dengan perkhidmatan perpustakaan yang boleh menarik minat masyarakat, khususnya golongan muda untuk menambah pengetahuan serta memelihara khazanah intelektual negara. Oleh itu, usaha pemerkasaan perpustakaan perlu dilaksanakan seiring dengan visi Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu menjadi pemacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat negara bertaraf dunia.

Sebelum membeli minat membaca, perpustakaan seharusnya membeli jiwa dan ketenangan pengunjungnya dengan menyediakan prasarana yang lengkap. Satu daripada kemudahan yang didambakan oleh pengunjung ialah kemudahan yang dapat membantu ibu bapa mengurus anak kecil. Antara prasarana yang boleh dibangunkan termasuklah dengan menyediakan bilik khas untuk menyusui dan menukar lampin anak, serta ruang permainan pendidikan khususnya bagi anak-anak yang berumur lima tahun ke bawah. Kemudahan ini secara tidak langsung dapat membantu ibu bapa untuk membaca buku sambil memantau anak mereka secara santai.


Mengambil contoh dari luar negara, iaitu Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, terdapat petugas khas yang bertindak sebagai penjaga anak pengunjung. Ibu bapa boleh meninggalkan anak mereka buat sementara waktu dan meneruskan carian serta pembacaan di bahagian atau tingkat lain. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti bercerita, mengeja dan membaca buku di bawah bimbingan petugas khas perpustakaan. Secara tidak langsung, aktiviti tersebut dapat membiasakan anak dengan persekitaran ilmu dan memupuk perasaan ingin mengunjungi perpustakaan lagi.

Selain itu, perpustakaan seharusnya membangunkan prasarana yang dapat membantu golongan emas dan orang kurang upaya (OKU). Buku Braille misalnya, dapat membantu golongan buta untuk membaca, manakala buku audio memudahkan golongan yang mempunyai penglihatan terhad seperti orang tua untuk menambah pengetahuan.

Bagi mengatasi masalah daya penglihatan rendah khususnya warga emas, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia turut menyediakan televisyen litar tertutup dengan penglihatan berkapasiti rendah. Antara kemudahan lain yang dapat membantu golongan emas dan OKU untuk melakukan carian bahan serta pembacaan ialah peralatan optikal seperti kanta pembesar, lampu khas sebagai cahaya tambah, papan kekunci komputer berhuruf besar dan buku bercetakan besar.

Selain itu, perpustakaan kini perlu mengorak langkah seiring dengan kemajuan teknologi yang menyediakan perkhidmatan untuk menarik minat masyarakat. Dengan erti kata lain, perpustakaan perlu melangkah tembok buku dengan menyediakan perkhidmatan baharu yang tidak dapat diperoleh di tempat lain. Di Perpustakaan Denmark, mereka menyediakan perkhidmatan perpustakaan manusia (*human library*). Perkhidmatan ini berfungsi sebagai tempat untuk meluahkan perasaan, berkongsi pengalaman, meningkatkan motivasi hidup serta bertukar pendapat dalam pelbagai isu. Perkhidmatan seperti ini memberikan impak yang positif terhadap jiwa individu, terutamanya bagi golongan yang mengalami tekanan perasaan. Hal ini seiring dengan suasana pascapandemik yang mencabar dengan keadaan ekonomi yang semakin meruncing. Oleh itu, perkhidmatan seperti ini dapat membantu individu dari segi psikologi mahupun psikospiritual.

Perpustakaan kini perlu mengorak langkah seiring dengan kemajuan teknologi yang menyediakan perkhidmatan untuk menarik minat masyarakat. Dengan erti kata lain, perpustakaan perlu melangkah tembok buku dengan menyediakan perkhidmatan baharu yang tidak dapat diperoleh di tempat lain.



Perpustakaan Raja Tun Uda yang terletak di Shah Alam mempunyai ruang yang santai dan moden, sekali gus dapat menarik minat pengunjung.

Perpustakaan Pulau Lopez, Amerika Syarikat pula menawarkan perkhidmatan yang dapat menarik minat anak muda, iaitu perkhidmatan pinjaman bagi alat muzik. Kemudahan tersebut disertakan dengan sarung alat muzik, buku panduan dan set lengkap untuk latihan. Alat tersebut boleh dipinjam oleh sesiapa sahaja selama sebulan sama seperti perkhidmatan pinjaman buku yang lain. Bagi menarik minat remaja terhadap sains, Perpustakaan Umum Pima County, Arizona menawarkan program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada pengunjung yang hadir. Pendedahan terhadap dunia sains dan teknologi ini dilakukan melalui aktiviti seperti sains pada hari Sabtu (*Science Saturday*), program astronomi dan program robotik LEGO yang mampu menarik minat pengunjung dalam kalangan generasi muda.

Seterusnya, perpustakaan mestilah mempunyai daya tarikan tersendiri. Daya tarikan ini membolehkan masyarakat khususnya golongan muda mengunjungi perpustakaan, secara tidak langsung dapat mendedahkan golongan muda terhadap khazanah intelektual negara. Hal ini dikatakan demikian kerana suasana, tempat dan latar belakang yang menarik, cantik dan bersih mampu menarik minat anak muda untuk bergambar seiring dengan fenomena kontemporari. Sebagai contoh, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia menyediakan ruang terbuka di tingkat 24 untuk pengunjung bergambar. Di tingkat tersebut, pengunjung dapat menikmati persekitaran kota Jakarta yang menarik seperti Monumen Nasional Indonesia (MONAS) dan Masjid Istiqlal.



Sementara itu, Perpustakaan Awam Onondaga Utara, Cicero di New York menyediakan perkhidmatan perpustakaan pertanian (*library farm*) sebagai usaha untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan pertanian selain menjadi usaha pemeliharaan kearifan tempatan dalam bidang pertanian yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Hasil pertanian tersebut juga dapat dirasakan oleh para pengunjung.


Tidak dapat dinafikan bahawa untuk membina infrastruktur memerlukan pelan jangka panjang. Namun demikian, bagi pelan jangka pendek, perpustakaan boleh menampilkan tempat, latar belakang, arca atau apa-apa koleksi yang dapat menarik minat golongan muda dengan mengikuti peredaran masa. Antara idea yang difikirkan sesuai adalah dengan menghiasi ruangan dengan gambar perjuangan tokoh terdahulu, peta, manuskrip dan koleksi lukisan langka. Perpustakaan juga boleh menyediakan ruangan khusus yang mempunyai latar belakang menarik bagi pengunjung untuk bergambar. Hal ini berupaya menjadikan perpustakaan sebagai tempat menarik seperti dalam media sosial misalnya Instagram dan TikTok. Sebagai contoh, di Mexico, dinding luar Perpustakaan Kampus Universiti Nacional Autonoma de Mexico dihiasi dengan lukisan yang menarik. Lukisan tersebut merupakan karya visual seni mozek yang kelihatan seperti kotak bom gergasi. Jika kita dapat mewujudkan suasana seperti ini, kita selangkah memecahkan tembok pemikiran masyarakat bahawa perpustakaan merupakan tempat yang membosankan dan hanya dipenuhi oleh ulat buku yang tidak tahu untuk berhibur.

Selain itu, dalam usaha mengekalkan pengguna setia yang sering melakukan aktiviti pembacaan, penyelidikan dan menggunakan perkhidmatan Internet, perpustakaan seharusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dari semasa ke semasa. Perkhidmatan pantas dapat memudahkan pengguna setia dan mencetuskan rasa selesa. Penggunaan *telelift* misalnya dapat mempercepat penghantaran bahan kepada pengguna. Sistem ini dapat bergerak dari satu tingkat ke tingkat lain dengan mengangkut bahan bacaan yang diingini. Perkhidmatan tersebut dilihat lebih efisien bagi pengguna kerana menjimatkan masa dan tenaga daripada melakukan carian dari satu rak ke satu rak lain secara manual. Pengguna hanya perlu memesan buku yang diingini di kaunter atau melalui borang dan kemudiannya menunggu beberapa minit sebelum dihantar oleh *telelift*. Penggunaan ini juga dilihat sesuai dengan kehendak zaman pascapandemik dan permulaan variasi wabak yang boleh berjangkit.

Sebagai kesimpulannya, dengan kepelbagaian pengaruh serta hiburan masa kini, perpustakaan perlu memecahkan tembok buku dan membinanya semula dengan mengikuti peredaran masa. Apabila kita dapat membawa masyarakat ke perpustakaan, maka sedikit demi sedikit perpustakaan akan dapat menyemai perasaan cinta akan amalan membaca dalam diri mereka. Masyarakat khususnya remaja akan melihat bahawa perpustakaan bukan lagi tembok buku, tetapi juga merupakan tempat untuk berhibur dan institusi yang seiring dengan perkembangan semasa. Usaha yang dinyatakan tersebut selaras dengan dua teras strategik dalam Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2019 – 2023. Yang pertama ialah pemantapan penyelidikan dan pembangunan perpustakaan dan yang kedua, penggerak budaya membaca dan pemertabatan tulisan Jawi.

Tuntasnya, kita perlu sedar bahawa dengan mempromosikan perpustakaan bermakna kita mempromosikan budaya ilmu. Itulah kunci terhadap pembinaan masyarakat yang bertamadun dengan ketinggian ilmu, kemajuan teknologi serta keluhuran tatasusila dan budi pekerti.

Rumah ditegak tiang berpasak,
Tersergam indah di tengah desa;
Perpustakaan sesak menjadi tasak,
Penawar maruah intelektual bangsa.



Suasana, tempat dan latar belakang yang cantik dan bersih mampu menarik minat anak muda untuk mengunjungi perpustakaan.